



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

SIARAN MEDIA
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

**CADANGAN PINDAAN DALAM JAWATANKUASA KEPADA RANG
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 2) 2026 (D.R.
5/2026) BERKAITAN PENGASINGAN PERANAN PEGUAM NEGARA
DAN PENDAKWA RAYA**

PUTRAJAYA, 8 Julai 2026 – Jemaah Menteri hari ini telah bersetuju dengan cadangan pindaan dalam Jawatankuasa kepada Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2026 bagi memperkukuh peranan Parlimen dalam proses penelitian dan syor pelantikan Pendakwa Raya.

Agenda reformasi institusi Kerajaan MADANI di bawah Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2026 bertujuan memperjelas pengasingan fungsi Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang kepada Yang di-Pertuan Agong, Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri dan fungsi Pendakwa Raya sebagai pihak yang menjalankan kuasa pendakwaan.

Rang Undang-undang ini telah dibacakan kali pertama di Dewan Rakyat pada 23 Februari 2026 dan pada 3 Mac 2026, Dewan Rakyat telah meluluskan usul supaya Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2026 dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JKPK) mengenai Pindaan Perlembagaan Berkaitan Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya di bawah

Peraturan 54(2) dan Peraturan 81(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Jawatankuasa ini yang diberi mandat untuk meneliti Rang Undang-Undang tersebut, mencadangkan apa-apa pindaan yang difikirkan perlu serta menyediakan penyata Jawatankuasa untuk dibentangkan di Dewan Rakyat dengan melibatkan 11 orang ahli yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang telah bersidang sebanyak tujuh (7) kali. Jawatankuasa ini telah meneliti semula Rang Undang-Undang tersebut yang meliputi penetapan terma rujukan, penelitian parameter Rang Undang-Undang, taklimat daripada agensi berkaitan, pertimbangan pandangan pihak berkepentingan serta perbincangan terhadap draf pindaan dalam Jawatankuasa. Manakala Penyata Jawatankuasa termasuk cadangan pindaan baharu telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 22 Jun 2026.

Walau bagaimanapun, setelah mempertimbangkan beberapa pandangan daripada beberapa pihak berkepentingan termasuklah ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang, pakar perundangan serta Pertubuhan Masyarakat Sivil, Kerajaan MADANI telah bersetuju untuk meminda Fasal (18) Perkara 145A Rang Undang-undang bagi memperkukuh keseimbangan antara kebebasan Pendakwa Raya dan akauntabiliti institusi.

Pindaan kepada Fasal (18) Perkara 145A mengambil kira cadangan supaya nama-nama calon dikemukakan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat (*“to be laid before the House of Representatives”*). Dewan Rakyat hendaklah, selepas penelitian calon oleh suatu Jawatankuasa Pilihan, membuat syor kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP). SPKP seterusnya hendaklah menasihati Yang di-Pertuan Agong berhubung pelantikan Pendakwa

Raya berdasarkan syor Jawatankuasa Pilihan tersebut. Pindaan ini akan dibentangkan di Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Ke-15 Tahun 2026 pada 13 Julai 2026 untuk dibahaskan.

Reformasi perundangan ini merupakan langkah penting untuk memastikan keadilan dilaksanakan secara bebas, telus dan berlandaskan integriti. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), barisan Jemaah Menteri dan YBhg. Tan Sri Peguam Negara dan pasukan beliau atas sokongan, pandangan dan cadangan yang telah diberikan dalam memperkukuh pindaan kepada Rang Undang-Undang ini. Usaha ini menggambarkan iltizam Malaysia untuk membina sistem pendakwaan yang diyakini rakyat serta setara dengan piawaian terbaik dunia.

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG,
JABATAN PERDANA MENTERI
8 JULAI 2026**

